



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI TERKINI MPOX DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa satu kes baharu jangkitan mpox *clade II* telah dilaporkan pada 25 November 2024. Ini menjadikan jumlah kes mpox di Malaysia bagi tahun 2024 meningkat kepada dua (2) kes, dan secara kumulatifnya, sebanyak sebelas (11) kes sejak 26 Julai 2023.

Kes baharu ini melibatkan seorang lelaki warga tempatan berusia 34 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari dan terlibat dalam aktiviti berisiko. Kes mula menunjukkan gejala ruam pada tangan, badan dan kaki sejak 15 November 2024, dan beliau telah mendapatkan rawatan pada 23 November 2024.

Beliau kini berada dalam keadaan stabil dan sedang menjalani isolasi, serta telah menerima rawatan simptomatik. Semua kontak rapat sedang dikenalpasti dan dipantau untuk tanda dan gejala mpox selama 21 hari dari tarikh terakhir pendedahan.

Mpox ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus mpox, iaitu spesies di bawah genus *Orthopoxvirus*. Jangkitan boleh berlaku antara manusia ke manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox. Jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim.

Gejala mpox ialah demam berserta ruam "*maculopapular rash*" atau ruam lepuh pada muka, tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan juga kornea. Tempoh pengeraman (*incubation period*) iaitu tempoh daripada terdedah kepada jangkitan sehingga individu menunjukkan gejala jangkitan mpox adalah antara lima (5) hingga ke 21 hari. Individu positif jangkitan mpox boleh menjangkiti orang lain sehari sebelum gejala muncul dan sehingga semua lepuh telah kering sepenuhnya. Lazimnya kes mpox akan sembuh sendiri tanpa sebarang rawatan khusus.

KKM ingin menyarankan kepada orang ramai untuk turut mengambil tindakan untuk mengelakkan mpox seperti berikut:

- i. Individu berisiko tinggi yang bergejala mpox seperti demam, bengkak kelenjar limfa dan ruam / lepuh perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat;
- ii. Elakkan bersentuhan secara langsung dengan individu yang disyaki atau disahkan dijangkiti mpox termasuk hubungan seksual; dan
- iii. Mengamalkan kawalan kesihatan sendiri seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (hand sanitiser);

- iv. Individu yang ingin melawat ke negara-negara yang melaporkan ke mpox dinasihatkan agar sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dan mengelakkan aktiviti berisiko; serta
- v. Semua pengembara yang tiba dari negara-negara yang melaporkan kes mpox dinasihatkan untuk memantau status kesihatan sendiri setiap hari, termasuk gejala jangkitan mpox bagi tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia.

KKM akan terus memantau situasi mpox di dalam dan luar negara, dan perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan untuk terus mengikuti perkembangan rasmi melalui saluran yang disahkan dengan mengikuti akaun-akaun media sosial KKM. Untuk maklumat lanjut juga, senarai soalan lazim (FAQ) berkenaan mpox boleh dicapai di pautan berikut:

<https://mpox.moh.gov.my/ms/soalan-lazim>

#bersamamencegahmpox

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

27 NOVEMBER 2024